

# Brambles

## Dasar Hak Asasi Manusia

Brambles Limited

Disemak Semula: 1 Julai 2020

Versi 3.0

## **DASAR HAK ASASI MANUSIA**

### **Menghormati Hak Asasi Manusia**

Seperti yang digariskan dalam tata etika Brambles, menghormati hak asasi manusia adalah penting kepada Brambles dan Syarikat Kumpulannya serta kepada komuniti kita yang ada menjalankan perniagaan. Di Brambles dan di seluruh Kumpulan Syarikat, kita komited terhadap usaha memastikan bahawa semua orang dilayan dengan adil dan hormat selain berinteraksi dengan pihak berkepentingan komuniti setempat, termasuk peribumi dan penduduk berisiko yang lain, untuk memastikan kita mendengar, mempelajari dan mengambil kira pandangan mereka serta menghormati budaya, warisan dan hak tradisional mereka apabila kita menjalankan perniagaan kita.

Dasar Hak Asasi Manusia Brambles berpaksikan tata kelakuan Brambles, yang berpandukan prinsip-prinsip hak asasi manusia antarabangsa yang terkandung dalam Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia (Universal Declaration of Human Rights), Deklarasi Prinsip Asas dan Hak di Tempat Kerja Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labor Organization's Declaration on Fundamental Principles and Rights at Work) dan Prinsip Pedoman Bangsa-bangsa Bersatu Berhubung Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (United Nations Guiding Principles on Business and Human Rights). Sebagai bukti komitmen kita terhadap prinsip-prinsip ini, Brambles merupakan penanda tangan Perjanjian Global Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Global Compact, "UNGC") dan mendukung Sepuluh Prinsip UNGC dalam aspek hak asasi manusia, tenaga kerja, alam sekitar dan antirasuah.

Dasar Hak Asasi Manusia ini dikenakan terhadap semua pengarah, pegawai dan kakitangan Brambles dan semua Syarikat Kumpulannya. Mereka dikehendaki mematuhi dasar ini dan melaksanakan tugas serta tanggungjawab mereka bagi pihak Brambles sejajar dengan dasar ini. Brambles dan Syarikat Kumpulannya komited terhadap kerjasama dengan rakan usaha sama, pembekal dan pihak ketiga lain yang mematuhi prinsip yang terkandung dalam Dasar ini atau mereka yang mengamalkan dasar serupa dalam perniagaan mereka.

### **Menghormati Kepelbagaian**

Brambles menghormati kepelbagaian insan yang bekerja dengan syarikat dan sumbangan yang dibuat oleh mereka. Kita sentiasa komited terhadap peluang yang saksama dan tidak bertoleransi terhadap sebarang diskriminasi dan gangguan. Kita komited terhadap usaha menyediakan tempat kerja yang bebas daripada diskriminasi atau gangguan disebabkan bangsa, jantina, warna kulit, kerakyatan atau negara asal, status sosial, agama, umur, kecacatan, taraf perkahwinan, orientasi seksual atau identiti jantina, pegangan politik atau mana-mana status lain yang dilindungi oleh undang-undang yang berkaitan.

Di setiap negara dan budaya, Brambles berusaha menjadi majikan yang terbaik. Kami merekrut, melantik, menempatkan, melatih, memampasi dan menaikkan pangkat individu yang terbaik untuk jawatan berdasarkan merit dan kecekapan berkaitan kerja—tanpa diskriminasi.

Tanpa mengira ciri atau status peribadi, Brambles tidak bertolak ansur dengan tingkah laku yang biadab atau tidak wajar, layanan tidak adil atau sebarang tindakan balas di tempat kerja dan dalam sebarang situasi berkaitan kerja yang berlaku di luar tempat kerja. Komitmen Brambles terhadap nilai-nilai ini termaktub dalam Dasar Kepelbagaian.

### **Buruh Paksa dan Pemerdagangan Manusia**

Seperti yang digariskan dalam Tatakelakuan, Brambles melarang—dalam operasinya dan operasi pembekalnya—penggunaan sebarang buruh paksa, termasuk banduan, kuli kontrak, buruh terikat, buruh tentera, abdi dan sebarang bentuk pemerdagangan manusia.

Brambles sedia maklum bahawa salah satu kumpulan yang paling rentan ialah pekerja hijrahan yang terdapat dalam negara atau yang datang dari luar negara untuk mendapatkan pekerjaan. Untuk menyediakan perlindungan yang terbaik bagi golongan pekerja ini, Brambles memastikan bahawa: (1) pekerja hijrahan mendapat hak yang sama seperti pekerja tempatan; (2) sebarang komisen atau fi lain yang berkaitan pengambilan pekerja hijrahan mestilah dibiayai oleh syarikat, bukan oleh pekerja

hijrahan; dan (3) pekerja hijrahan tidak perlu menyerahkan dokumen pengenalan mereka, kecuali ketika diperlukan untuk mengesahkan identiti dan kelayakan pekerjaan mereka sahaja.

### **Buruh Kanak-kanak**

Brambles tidak bertolak-ansur dengan pengambilan buruh kanak-kanak dalam perniagaannya dan perniagaan pembekalnya.

Kami percaya bahawa **semua** guna tenaga adalah memudaratkan, bersifat mengeksploitasi atau merosakkan jika dimulakan pada usia yang terlalu muda. Justeru, kita tidak menggaji kanak-kanak—dan kita tidak menjalankan perniagaan dengan pembekal atau pihak ketiga lain yang menggaji kanak-kanak—yang berusia kurang 15 tahun, yang belum tamat tempoh pendidikan wajib atau di bawah usia minimum untuk bekerja di negara tersebut, yang mana lebih tinggi. Selain itu, kita tidak menggaji mana-mana kanak-kanak yang berumur kurang 18 tahun jika mereka mungkin terlibat dalam pekerjaan yang dikategorikan sebagai berbahaya dan kita tidak akan bertolak-ansur dengan pembekal atau pihak ketiga yang berbuat demikian. Brambles menganggap buruh kanak-kanak berbahaya sebagai mana-mana kerja yang berkemungkinan membahayakan kesihatan, keselamatan atau moral kanak-kanak atau menjejaskan pendidikan mereka dan termasuklah, tanpa pengehadan:

- Kerja yang memerlukan penggunaan mesin atau peralatan dipacu kuasa;
- Kerja di ketinggian yang berbahaya atau ruang yang terbatas;
- Kerja yang mendedahkan kanak-kanak dengan bahan, agen atau proses yang berbahaya atau dengan suhu, tahap kebisingan atau getaran yang merosakkan kesihatan mereka; atau
- Kerja yang melibatkan syarat yang amat sukar seperti waktu kerja yang panjang atau ketika malam atau kerja yang melibatkan tempat kerja yang terbatas dan tidak munasabah untuk kanak-kanak itu.

### **Penduduk Peribumi**

Kita menghormati hak penduduk peribumi di lokasi yang kita menjalankan perniagaan.

### **Waktu Bekerja, Gaji dan Manfaat**

Brambles memaklumkan bahawa gaji adalah penting untuk mencapai taraf hidup yang mencukupi. Kita menjalankan perniagaan dengan mematuhi sepenuhnya semua undang-undang pemberian upah, waktu bekerja, kerja lebih masa dan manfaat yang berkenaan. Selain itu, Brambles mempunyai tujuan untuk menjalankan perniagaan dengan pembekal dan pihak ketiga lain yang mematuhi undang-undang pemberian upah, waktu bekerja, kerja lebih masa dan manfaat yang berkenaan dan mereka yang bersetuju untuk memastikan ketelusan, untuk memulihkan apa-apa kekurangan yang dikenal pasti dan untuk memacu penambahbaikan yang berterusan.

### **Tempat Kerja yang Selamat dan Sihat**

Brambles berusaha untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk semua kakitangannya dan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan keperluan dalaman berkaitan keselamatan dan kesihatan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung perkara ini, sila rujuk Piagam Bahaya Sifar dan Dasar Kesihatan dan Keselamatan Brambles yang terkandung dalam Tatakelakuan, serta dasar kesihatan dan keselamatan perniagaan setempat.

Di samping itu, Brambles komited terhadap usaha menyediakan tempat kerja yang bebas daripada keganasan, ugutan dan keadaan tidak selamat serta mengganggu disebabkan ancaman dalaman atau luaran. Perlindungan keselamatan kakitangan disediakan sebagaimana diperlukan dan privasi serta kehormatan kakitangan akan dipelihara.

### **Kebebasan Berpersatuan dan Perundingan Bersama**

Seperti yang digariskan dalam Tatakelakuan, Brambles menghormati hak kakitangan untuk menyertai, menubuhkan atau tidak menyertai kesatuan sekerja tanpa perlu bimbang tentang tindakan balas, hukuman, ancaman atau gangguan. Sekiranya kakitangan diwakili oleh kesatuan yang sah di sisi undang-undang, kami komited untuk mengadakan perbincangan konstruktif dengan wakil pilihan

mereka sendiri. Brambles komited terhadap perundingan yang diadakan dengan niat baik bersama wakil tersebut.

### **Komuniti Kita**

Kita menghormati hak asasi manusia warga kerja dalam komuniti tempat kita beroperasi dan mengakui bahawa kita haruslah bertanggungjawab untuk menggunakan sumber dengan bijak. Itulah sebabnya kita menjadi perintis rantai bekalan penjana semula, iaitu apabila kita membantu mencipta ekonomi positif alam semula jadi dengan penggunaan semula, kebingkasan dan penjana semula sebagai keutamaan, demi manfaat masyarakat dalam jangka masa panjang. Brambles menggalakkan dengan aktif usaha pekerja untuk membuat perbezaan dalam komuniti setempat mereka.

### **Rantai Bekalan, Usaha Wajar dan Pemulihan Kita**

Melalui usaha wajar, peruntukan kontrak yang wajar dan Dasar Pembekal kita, yang sejajar dengan jangkaan dan komitmen yang ditetapkan dalam Dasar Hak Asasi Manusia ini, kita mahu pembekal kita dan pihak ketiga yang lain menyedari akan dan mengharapkan kepatuhan mereka dengan, antaranya, komitmen hak asasi manusia kita. Pembekal dan pihak ketiga yang lain diminta membuat pengakuan untuk syarat yang ditetapkan dalam Dasar ini dan Dasar Pembekal kita serta untuk mewujudkan amalan yang serupa yang menghormati dan mendukung komitmen ini. Kami tidak akan dengan sengaja membiarkan atau menyumbang kepada kesan has asasi manusia yang buruk yang disebabkan oleh tindakan pembekal kita atau pihak ketiga yang lain. Jika kita menyedari akan suatu kesan buruk, kita akan melibatkan diri dalam tindakan penyelesaian, mengelak atau mengurangkan kesan buruk, serta apabila dikehendaki mengikut keadaan (cth., sifat kesan atau sikap keengganan pembekal untuk bekerja dengan kita), kita akan menamatkan hubungan.

### **Tanggungjawab Terhadap Kejayaan Dasar ini**

Lembaga Brambles mempunyai tanggungjawab menyeluruh terhadap Dasar ini. Ketua Pegawai Pematuhan mempunyai tanggungjawab operasi harian untuk Dasar ini dan harus memastikan bahawa semua pekerja mendapat latihan berkala dan sesuai.

Ketua Pegawai Pematuhan, bersama dengan Lembaga Pengarah, akan mengkaji semula dasar ini dari perspektif perundangan dan operasi sekurang-kurangnya sekali setahun. Dasar ini tidak membentuk pihak dalam kontrak pekerja mana pun, atau dibuat dengan cara lain, dan ia mungkin disemak dari semasa ke semasa. Pekerja dijemput untuk memberi komen tentang Dasar ini dan mencadangkan cara penambahbaikannya. Komen atau cadangan harus disampaikan kepada Ketua Pegawai Pematuhan.

### **Melaporkan Kebimbangan atau Salah Laku di bawah Dasar Suarakan Pendapat (SpeakUpPolicy) Brambles**

Brambles mewujudkan tempat kerja yang menghargai dan menghormati komunikasi yang terbuka dan jujur dalam kalangan semua kakitangan. Jika terdapat sebarang pertanyaan tentang Dasar Hak Asasi Manusia ini, atau jika anda ingin melaporkan kemungkinan pelanggaran Dasar ini, sila hubungi pengurus barisan anda, Wakil Sumber Manusia setempat anda atau mana-mana anggota Pasukan Undang-undang atau Eksekutif. Sekiranya dibenarkan oleh undang-undang setempat, anda juga boleh melaporkan kemungkinan pelanggaran Dasar ini melalui Talian Suarakan Pendapat (SpeakUpHotline) Brambles dengan melayari laman sesawang di [www.brambles.ethicspoint.com](http://www.brambles.ethicspoint.com) atau dengan menghubungi nombor telefon untuk lokasi anda, yang boleh didapati pada poster Suarakan Pendapat di tempat kerja anda.

Sejajar dengan Dasar Suarakan Pendapat (SpeakUpPolicy) Brambles, tindakan balas dan hukuman tidak akan diambil terhadap mana-mana kakitangan yang melaporkan kebimbangan di bawah Dasar Hak Asasi Manusia ini. Brambles akan menyiasat, menangani dan bertindak terhadap kebimbangan kakitangan dan akan mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya bagi sebarang pelanggaran Dasar.